



Jalur Gemilang berkibar setinggi 130 meter di udara sempena merdeka

Oleh [Nor Amalina Alias](#) - Ogos 25, 2022 @ 3:43pm
bhnews@bh.com.my

BACHOK: Idea menaikkan Jalur Gemilang menggunakan belon gas gergasi dengan ketinggian 130 meter menjadi cara unik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) meraikan sambutan bulan kemerdekaan.

Jalur Gemilang diikat pada belon gas bersaiz 30 meter dengan tulisan UMK dinaikkan di Dataran Teniat, Kampus Bachok sebagai simbolik pelancaran bulan kemerdekaan universiti itu.

Naib Canselor UMK, Prof Dr Razli Che Razak, berkata bendera Malaysia itu akan terus berada di udara pada ketinggian berkenaan selama tempoh hampir sebulan.

"Bendera ini akan terus berkibar di udara sehingga sambutan Hari Malaysia pada 16 September nanti.

"Cara unik ini bagi melahirkan semangat menyambut merdeka dalam kalangan warga UMK," katanya di UMK Kampus Bachok, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof Dr Nik Maheran Nik Muhammad dan Pendaftar UMK, Khairul Eruwan Abdul.

Razli berkata, sempena bulan merdeka, UMK turut mengadakan beberapa aktiviti berbentuk patriotisme termasuk pidato merdeka dan busking yang mendendangkan lagu kemerdekaan di sepanjang bulan ini.

Katanya, acara mengacau bubur Asyura sebanyak 20 kawah turut dilaksanakan di tiga kampus UMK di Bachok, Jeli dan Kota di Pengkalan Chepa.

"Pasukan berkuda turut digunakan dalam acara hari ini bagi mengingatkan perjuangan masyarakat Melayu dulu kala," katanya.

Sementara itu, Razli turut berkongsi kejayaan UMK mencapai sasaran 15,000 pelajar sejak ditubuhkan pada 1 September 2007.

"Kita juga akan terima pelajar baharu bagi sesi kemasukan Oktober 2022," katanya.



Razli (tengah) bersama warga UMK mengibarkan Jalur Gemilang untuk melahirkan semangat menyambut kemerdekaan di UMK Kampus Bachok, hari ini.
NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR